



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai kerja semasa di Majlis Perbandaran Port Dickson **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
2. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Suruhanjaya Tenaga (SST)** (bagi kerja elektrik). Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga ini juga **WAJIB berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson**. Kesemua Sijil tersebut perlu mempunyai tempoh sah sekurang-kurangnya 1 bulan dari tarikh tutup sebutharga.
3. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** selaras dengan **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (Pelan Pemulihan Negara Fasa 4)** yang berkuatkuasa. Kontraktor dinasihatkan untuk meneliti spesifikasi dengan sebaiknya bagi memberikan harga kerja yang munasabah. Sekiranya kontraktor memerlukan sebarang maklumat dan keterangan lanjut sila berhubung dengan Jabatan Kejuruteraan MPPD. **Borang Sebutharga boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor (Blok A)**. Kontraktor **WAJIB** membawa dokumen-dokumen asal seperti yang dinyatakan pada perenggan 2 semasa proses pendaftaran dan pembelian naskah sebutharga.
4. Pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang sah sahaja. Wakil kontraktor hendaklah membawa surat wakil **ASAL** yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. **KONTRAKTOR ATAU WAKIL TIDAK DIBENARKAN UNTUK MEMBELI NASKAH SEBUT HARGA BAGI SYARIKAT LAIN**.
5. Kontraktor **WAJIB** mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.

6. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, MPPD**. Nombor sebut harga dan juga tajuk projek hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.
7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
8. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan dan segala kos akan ditanggung oleh pihak syarikat / kontraktor.
9. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
10. **Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor, CIDB dan Sijil Suruhanjaya Tenaga (bagi kerja elektrik) di bawah Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga seperti di lampiran**

Tandatangan : 

Nama Pegawai : **MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson

Jawatan :

Tarikh : **9 Mei 2021**

LAMPIRAN

No. Sebut Harga & Harga Dokumen	Tajuk Projek	Gred Kontraktor/ Kategori & Pengkhususan	Tempat, & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut harga Ditutup
MPPD SH 112/2021 RM 50.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Mekanikal Dan Elektrikal Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Semua Kolam Air Pancut Dan Rumah Pam Milik MPPD Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.	<u>G1</u> Kategori CE & ME Pengkhususan CE21, E11 & M15	Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh: 19.11.2021 Hingga 26.11.2021	Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Majlis Perbandaran Port Dickson Tarikh : 26.11.2021 *Jam 12.00 t/hari
MPPD SH 113/2021 RM 50.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Hawa Dingin Milik Majlis Perbandaran Port Dickson Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.	<u>G1 / G2</u> Kategori ME Pengkhususan E04, M01 & M15		
MPPD SH 114/2021 RM 150.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Milik Majlis Perbandaran Port Dickson (Zon A) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.	<u>G2</u> Kategori ME Pengkhususan E11		
MPPD SH 115/2021 RM 150.00	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lampu Jalan Milik Majlis Perbandaran Port Dickson (Zon B) Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.			

Kaunter Terimaan Hasil Beroperasi Mengikut Masa Seperti Ketetapan Berikut :-

ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)

8.30 PAGI HINGGA 2.00 PETANG